

## ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN PROGRAM BAHARU DIPLOMA PENDIDIKAN PASCASISWAZAH (DPPS)

(NEEDS ANALYSIS FOR THE DEVELOPMENT OF A NEW DIPLOMA IN POSTGRADUATE EDUCATION  
PROGRAM)

PISOL, M. I. M.<sup>1\*</sup> – ESA, N.<sup>1</sup> – SHAHAROM, M. S.<sup>1</sup> – BASIR, H.<sup>1</sup> – NAFIAH, S.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor, Selangor, Malaysia.*

<sup>2</sup> *Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Nahdlatul Ulama Surabaya, Surabaya, Indonesia.*

*\*Penulis penghubung  
e-mail: mohdizzuddin[at]uis.edu.my*

(Received 21<sup>st</sup> October 2025; revised 22<sup>nd</sup> January 2026; accepted 30<sup>th</sup> January 2026)

**Abstrak.** Kekurangan guru dalam sistem pendidikan kebangsaan berkait rapat dengan masalah kesihatan dan bersara awal. Hal itu turut memberikan impak kepada mata pelajaran yang jumlah waktu yang lebih lama seperti mata pelajaran teras wajib seperti bahasa melayu, bahasa inggeris, pendidikan Islam. Berdasarkan perkara tersebut, penyelidik membangunkan analisis keperluan dalam melibatkan sokongan dan penyertaan golongan yang berada di sektor pendidikan swasta sebagai sasaran responden kajian ini. Kajian ini dijalankan bagi menilai keperluan pasaran terhadap pembangunan program baharu Diploma Pendidikan Pascasiswazah sebagai langkah strategik menangani isu kekurangan guru serta ketidakseimbangan opsyen pengajaran di Malaysia. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif melalui soal selidik yang melibatkan 251 orang responden daripada pelbagai latar belakang organisasi dan tahap pendidikan. Instrumen kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu demografi responden yang mengandungi tiga item dan tiga item berkaitan pandangan terhadap kandungan keperluan program baharu Diploma Pendidikan Pascasiswazah di Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor. Secara keseluruhannya, kajian ini mengesahkan keperluan dan sokongan terhadap pelaksanaan DPPS dalam usaha memenuhi keperluan guru pada masa hadapan. Justeru itu, pihak fakulti dapat melaksanakan proses penggubalan dan pembinaan kursus agar selari dengan keperluan pendidikan dengan mengambil kira standard pendidikan yang telah ditetapkan.

**Katakunci:** *pendidikan, guru, kurikulum, DPPS*

**Abstract.** The shortage of teachers in the national education system is closely linked to health-related issues and early retirement. This challenge significantly impacts core compulsory subjects with longer instructional hours, such as Malay Language, English Language, and Islamic Education. In response, the researcher developed a needs analysis involving support and participation from stakeholders within the private education sector as the target respondents of this study. The study was conducted to assess market demand for the development of a new Postgraduate Diploma in Education program as a strategic measure to address teacher shortages and the imbalance of teaching options in Malaysia. A descriptive quantitative approach was employed using a survey involving 251 respondents from diverse organizational backgrounds and educational levels. The research instrument comprised two sections: respondent demographics with three items, and three items related to perceptions of the content and necessity of the new Postgraduate Diploma in Education program at the Faculty of Education, Universiti Islam Selangor. Overall, the study confirms the need for and support towards the implementation of the program as an effort to meet future teacher requirements. Accordingly, the faculty may proceed with course design and development aligned with current educational needs while adhering to established educational standards.

**Keywords:** *education, teachers, curriculum, DPPS*

## **Pengenalan**

Bidang pendidikan merupakan perkara utama dalam pembangunan sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, cabaran dalam sistem pendidikan semakin kompleks ekoran pelbagai faktor termasuk persaraan besar-besaran dalam kalangan guru, ketidakseimbangan opsyen pengajaran guru, pembukaan dan pertambahan sekolah baharu, serta berlaku peningkatan enrolmen murid semasa ke semasa. Menurut Li dan Zhao (2022) menunjukkan jumlah guru Malaysia menurun secara berterusan antara tahun 2022 (408,563 orang guru) hingga pada 2024 (401,839 orang guru) memperlihatkan nisbah murid–guru meningkat secara tidak langsung menggambarkan kekurangan guru dan memerlukan strategi dalam menyelesaikan permasalahan ini agar dapat mengurangkan kesan negatif kepada kualiti pendidikan semasa. Selain itu, pengurangan pengambilan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) turut memberi kesan terhadap pengisian jawatan guru baharu di sekolah. Dalam usaha menangani permasalahan ini, program alternatif seperti Diploma Pascasiswazah Pendidikan memainkan peranan penting dalam melatih graduan bukan pendidikan untuk menjadi pendidik yang memiliki ikhtisas pendidikan. Diploma Pendidikan Pascasiswazah memberi peluang kepada lepasan ijazah dalam pelbagai bidang untuk menyumbang dalam sistem pendidikan negara, terutamanya dalam bidang kritikal seperti Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Pendidikan Khas, dan Bahasa. Program seumpama ini bukan sahaja dapat memenuhi keperluan pengisian kekosongan jawatan guru, malah berpotensi menghasilkan tenaga guru yang pelbagai dari segi latar belakang akademik yang berkaitan. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis keperluan pasaran terhadap pembangunan program baharu DPPS. Ia merangkumi tinjauan terhadap persepsi tenaga kerja terhadap kesesuaian program, bentuk pelaksanaan, mod pengajian serta kebolehpasaran graduan. Dapatan daripada kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada institusi pengajian tinggi dan pembuat dasar dalam merangka program latihan perguruan yang lebih responsif terhadap kehendak institusi pendidikan negara.

## ***Objektif kajian***

Menilai tahap kesesuaian program DPPS dalam memenuhi keperluan bidang pendidikan.

## ***Latar belakang kajian***

Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor telah mula menawarkan program pengajian di peringkat diploma lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2008 iaitu Diploma Perguruan Pendidikan Islam dan Diploma Perguruan TESL (Sabilan et al., 2015). Seterusnya pada tahun 2015, telah berlaku penawaran program pengajian di peringkat ijazah iaitu Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam Dengan Multimedia dan Ijazah Sarjana Muda TESL Dengan Multimedia. Lanjutan itu, pada tahun 2020 telah ditawarkan program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Seiring dengan perkembangan institut pengajian tinggi Islam yang berdaya saing, pada tahun 2017, fakulti pendidikan telah berjaya menawarkan program pengajian di peringkat sarjana dalam empat bidang iaitu Ijazah Sarjana Pendidikan: (i) Pendidikan Islam, (ii) Kurikulum dan Pedagogi, (iii) Pendidikan Bahasa, (iv) Pentadbiran Pendidikan dan satu program di peringkat doktor falsafah dalam bidang pendidikan. Tahun 2025 berdasarkan kepada keperluan latihan guru maka cadangan

program baharu iaitu Diploma Pendidikan Pascasiswazah (DPPS) secara Online Distance Learning (ODL) bagi memenuhi keperluan latihan guru bukan pendidikan dalam memperkembangan profesion perguruan di Malaysia.

Dalam konteks sejarah latihan perguruan, latihan guru bagi lepasan ijazah telah bermula dengan kewujudan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) di Maktab Perguruan. Seterusnya telah diberikan penamaan baharu iaitu Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) di Institut Pendidikan Guru di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun begitu, Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah turut ditawarkan di institut pengajian tinggi awam mahupun swasta bagi membantu memberikan latihan pendidikan kepada yang sedang atau mahu menceburkan diri dalam bidang pendidikan dan memenuhi keperluan guru dan meningkatkan kualiti profesionalisme guru. Penawaran program pengajian ini dijalankan dengan pelbagai variasi iaitu sepenuh masa, separuh masa dan medium yang berlainan iaitu bersemuka/atas talian/hybrid. Antara tujuan penawaran program pengajian ini adalah membantu dalam menyelesaikan kekurangan guru dalam mata pelajaran kritikal dan laluan kerjaya dalam bidang pendidikan (Setiawan et al., 2025). Program pengajian ini bertujuan melengkapkan bakal guru/guru baharu berkaitan kemahiran mengajar dan ilmu asas pendidikan seperti psikologi pendidikan, teknologi pendidikan, falsafah pendidikan, sosiologi pendidikan sebagai perkara asas persediaan menjadi guru (Lopez dan Viswanathappa, 2025). Ianya turut diberikan pendedahan berkaitan Pedagogical Content Knowledge (PCK) dalam memudahkan penyampaian guru dalam pengajaran sesuatu bidang ilmu (*Jadual 1*).

**Jadual 1.** Senarai IPT yang menawarkan program Diploma Pascasiswazah Pendidikan.

Bil	Universiti	Nama program
1	Universiti Utara Malaysia	Diploma Pascasiswazah Pendidikan
2	Universiti Malaya	Diploma Pascasiswazah Pendidikan
3.	Institut Pendidikan Guru Malaysia	Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan
4.	Universiti Kebangsaan Malaysia	Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah - ODL
5.	Universiti Perguruan Sultan Idris	Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah
6.	Universiti Sains Malaysia	Diploma Pascasiswazah Pendidikan
7.	UNISZA	Diploma Pascasiswazah Pendidikan
8.	UNIRAZAK	Diploma Pascasiswazah Pendidikan
9.	Open Universiti Malaysia (OUM)	Diploma Lulusan Ijazah Dalam Pengajaran - ODL
10.	UTAR International University	Diploma Pascasiswazah Pendidikan Dalam Teknologi Pendidikan

Penggubalan program Diploma Pascasiswazah Pendidikan mestilah merujuk kepada Standard Program Pendidikan 2.0 yang menjadi panduan dalam penggubalan kurikulum baharu agar ianya selari dengan dasar dan pelaksanaan penawaran semasa terutamanya aspek kursus-kursus yang ditawarkan mestilah mengikuti elemen-elemen berikut (*Jadual 2*).

**Jadual 2.** Struktur penyampaian Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan mengikut Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Komponen	Kredit (Jam)	Peratusan
Asas pendidikan	12-15	40-50
Teras disiplin	6-9	20-30
Latihan profesional	3-6	10-20
Elektif	3-6	10-20
Total	30	100

## Bahan Kajian dan Metod

Kajian ini adalah merupakan kajian bersifat kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik yang telah diedarkan kepada 251 orang responden yang terdiri daripada guru di institut pendidikan swasta dan alumni lepasan institut pengajian tinggi swasta yang menggunakan persampelan rawak mudah. Hal ini kerana merujuk kepada Krejcie dan Morgan (1970) menyatakan bahawa jumlah 700 orang responden memerlukan jumlah responden sebanyak 248 orang responden dengan mengambil kira sebanyak 5 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi. Namun begitu, penyelidik telah menambah tiga responden bagi menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 251 orang responden.

### Latar belakang responden

Analisis deskriptif digunakan bagi mengenal pasti taburan demografi responden yang terdiri daripada organisasi, tahap pengajian tertinggi dan umur. Berdasarkan demografi responden yang diperoleh jumlah taburan responden adalah 251 orang. Organisasi responden terdiri daripada organisasi swasta seramai 119 orang bersamaan 47.4% dan organisasi awam seramai 18 orang bersamaan 7.2%. Manakala mempunyai bilangan responden dalam kalangan alumni UIS adalah seramai 70 orang bersamaan 27.9% dan responden dalam kalangan ibu bapa atau Penjaga seramai 4 orang (1.6%) dan 40 orang adalah dalam kalangan pelajar yang sedang menyambungkan pengajian di peringkat sarjana muda. Berdasarkan data yang diperoleh, bilangan responden daripada organisasi swasta adalah yang tertinggi. Selain itu, tahap pengajian terdiri daripada lima iaitu Matrikulasi/Asasi/STPM/STAM adalah seramai 8 orang bersamaan dengan 3.2%. Terdapat 211 responden yang terdiri daripada lepasan Ijazah Sarjana Muda bersamaan 84.1% dan 16 responden daripada lepasan Sarjana bersamaan 7.5%. Berdasarkan data di atas, responden majoriti terdiri daripada Ijazah Sarjana Muda. Bagi aspek umur, responden dalam anggaran 20-30 tahun ialah 230 bersamaan 91.6%. Responden berumur 31-40 tahun pula seramai 18 bersamaan 7.2% dan hanya 3 orang responden yang berumur 41-50 tahun bersamaan 1.2%. Oleh itu, responden yang menjawab soal selidik ini adalah majoriti berumur 20-30 tahun (*Jadual 3*).

*Jadual 3. Demografi responden.*

Item	Perkara	Pilihan	Jumlah	Peratus
A1	Organisasi	Organisasi Swasta	119	47.4%
		Organisasi Awam	18	7.2%
		Alumni UIS	70	27.9%
		Ibu Bapa Penjaga	4	1.6%
		Pelajar	40	15.9
		Organisasi Awam	18	7.2%
A2	Tahap Pengajian	Matrikulasi/ Asasi/ STPM/ STAM	8	3.2%
		Diploma	15	6.0%
		Ijazah Sarjana Muda	211	84.1%
		Sarjana	16	7.5%
		Doktor Falsafah	1	0%
A3	Umur	20 – 30	230	91.6%
		31 – 40	18	7.2%
		41 – 50	3	1.2%

## Dapatan dan Perbincangan Kajian

Bagi aspek kursus yang dicadangkan memenuhi keperluan dalam bidang majoriti responden memilih memenuhi sepenuhnya seramai 173 orang bersamaan 68.9%. Seterusnya 72 responden memilih memenuhi sebahagian bersamaan 28.7% dan 6 orang sahaja memilih tidak memenuhi bersamaan dengan 2.4%. Seterusnya, kursus yang ditawarkan adalah berkaitan dengan situasi dan peredaran semasa serta kursus yang ditawarkan menyumbang kekuatan program pengajian mempunyai nilai yang sama iaitu 238 orang menyokong bahawa kursus yang ditawarkan berkaitan dengan situasi dan peredaran semasa bersamaan 94.8% dan hanya 13 orang sahaja memilih tidak bersamaan dengan 5.2%. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 238 responden (84.9%) menyokong bahawa kursus yang ditawarkan menyumbang kekuatan program, manakala hanya 13 orang tidak setuju iaitu 5.2%. Berdasarkan data, 93 responden telah memilih untuk program pengajian ini dijalankan secara dalam talian bersamaan 37.1%. Manakala secara bersemuka mempunyai 35 responden iaitu 13.9% dan secara Hibrid adalah seramai 123 orang bersamaan 20.8%. Seterusnya, 220 responden bersamaan 87.6% menyokong mod kursus cuti sekolah sangat bersesuaian dengan keperluan bidang pengajian manakala 31 responden (12.4%) tidak setuju dengan mod kursus cuti sekolah ini. 240 responden bersamaan 95.6% bersetuju dengan jangka masa pengajian yang ditetapkan dan 11 responden merasakan jangka masa pengajian yang ditetapkan kurang sesuai seramai 4.4%. Bagi item kesesuaian graduan berkhidmat dalam organisasi tempatan mempunyai 243 responden yang bersetuju bersamaan 96.8% dan 8 responden bersamaan 3.2% beranggapan kurang sesuai graduan program ini untuk memberi perkhidmatan dalam organisasi tempatan (*Jadual 4*).

**Jadual 4.** Keperluan pembangunan program DPPS.

Item	Perkara	Pilihan	Jumlah	Peratus
B1	Keperluan dalam Bidang	Memenuhi Sepenuhnya	173	68.9%
		Memenuhi Sebahagiannya	72	28.7%
		Tidak Memenuhi	6	2.4%
B2	Penawaran Kursus dipenuhi	Ya	238	94.8%
		Tidak	13	5.2%
B3	Kekuatan Program Pengajian	Ya	238	84.9%
		Tidak	13	15.1%
B4	Mod Pengajian	Dalam Talian	93	37.1%
		Bersemuka	35	13.9%
		Hibrid	123	49.0%
B5	Mod Cuti Sekolah	Ya	220	87.6%
		Tidak	31	12.4%
B6	Kesesuaian Jangka Masa	Ya	240	95.6%
		Tidak	31	12.4%
B7	Kebolehpasaran dalam Organisasi Tempatan	Ya	243	96.8%
		Tidak	8	3.2%

Seterusnya berkaitan kelebihan memiliki DPPS pada masa hadapan iaitu kekosongan jawatan menunjukkan 104 responden bersamaan 41.5% bersetuju bahawa graduan program ini boleh mengisi 1-2 jawatan dalam organisasi tempatan. Manakala, 103 responden bersamaan 39.6% memilih 3-4 jawatan, 31 responden iaitu 15.1% memilih 5-6 jawatan dan 13 responden bersamaan 3.8% memilih 7 jawatan atau lebih. Dalam item prospek kerjaya selain daripada organisasi berkaitan pengkhususan bidang pula, seramai

232 responden bersamaan 92.4% mengatakan ya, manakala 19 responden memilih tidak bersamaan dengan 7.6%. Selanjutnya, tangga gaji yang boleh diisi oleh graduan program ini terdiri daripada 49 orang responden (19.5%) iaitu RM 1,501.00-RM 2,000.00, 95 orang responden (37.8%) memilih kadar gaji antara RM 2,001.00-RM 2,500.00, manakala seramai 77 orang (30.7%) responden memilih kadar gaji antara RM 2,501.00-RM 3,000.00 dan seramai 30 orang responden memilih kadar gaji antara RM 3,001.00 hingga RM 3,500.00. Majoriti responden iaitu 95 orang bersamaan 39.6% memilih RM 2,001.00-RM 2,500.00 sebagai tangga gaji yang bersesuaian dengan graduan program ini. Menurut 235 responden merangkumi majoriti iaitu 93.5% bersetuju bahawa DPPS mampu menghasilkan graduan yang diperlukan untuk pasaran semasa. Manakala baki 16 responden bersamaan 6.4% menyatakan tidak. Begitu juga dengan 239 responden bersamaan 95.2% menyatakan graduan program pengajian ini dapat meningkatkan pengetahuan teknikal atau kemahiran dari segi pembangunan kerjaya manakala hanya 12 responden iaitu 4.8% menyatakan bahawa graduan DPPS ini tidak memenuhi kriteria pembangunan kerjaya. Akhir sekali, terdapat tiga mod pengajian yang dicadangkan iaitu sepenuh masa, separuh masa dan Kursus Dalam Cuti (KDC). Dapatan menunjukkan seramai 157 responden iaitu 62.5% secara sepenuh masa, 54 responden bersamaan 21.5% memilih untuk separuh masa dan 40 responden bersamaan 15.9% memilih mod pengajian secara KDC. Oleh itu, mod pengajian yang mempunyai majoriti merupakan Kursus Dalam Cuti (KDC) (*Jadual 5*).

**Jadual 5. Kelebihan memiliki DPPS.**

Item	Perkara	Pilihan	Jumlah	Peratus
B8	Jumlah Jawatan	1 – 2	104	41.5%
		3 – 4	103	39.6%
B9	Prospek Kerjaya	Ya	232	92.4%
		Tidak	19	7.6%
B10	Gaji	1,501.00 – 2,000.00	49	19.5%
		2,001.00 – 2,500.00	95	37.8%
		2,501.00 – 3,000.00	77	30.7%
		3,001.00 – 3,500.00	30	12.0%
B11	Kebolehpasaran Graduan	Ya	235	93.5%
		Tidak	16	6.4%
B12	Meningkatkan Pengetahuan Teknikal/Kemahiran	Ya	239	95.2%
		Tidak	12	4.8%
B13	Mod Pengajian	Sepenuh Masa	157	62.5%
		Separuh Masa	54	21.5%
		Kursus Dalam Cuti	40	15.9%

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menegaskan bahawa pembangunan program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPPS) perlu berpaksikan analisis keperluan agar benar-benar relevan dengan konteks semasa pendidikan dan keperluan industri. Dapatan daripada responden iaitu graduan muda membuktikan bahawa program ini mampu menjadi platform penting dalam melahirkan tenaga guru baharu yang berdaya saing dan berorientasikan kerjaya. Keutamaan pengajian terhadap mod pengajian hibrid turut mencerminkan transformasi landskap pendidikan masa kini dan global menuntut keseimbangan antara interaksi bersemuka dan fleksibiliti digital. Dari aspek kebolehpasaran, persepsi positif terhadap prospek kerjaya dan peningkatan peluang pekerjaan menunjukkan bahawa DPPS berpotensi memberi nilai tambah yang

signifikan kepada graduan. Walaupun jangkakan gaji permulaan adalah sedikit rendah, ia masih realistik selaras dengan status graduan muda yang baru memasuki pasaran kerja. Dapatan menunjukkan majoriti responden (68.9%) menilai kursus yang dicadangkan memenuhi sepenuhnya keperluan bidang pendidikan, manakala 28.7% berpendapat ia hanya memenuhi sebahagian keperluan, khususnya dari aspek pedagogi terkini dan kemahiran abad ke-21. Walaupun hanya 2.4% menyatakan kursus tidak memenuhi keperluan, pandangan ini tetap signifikan kerana mencerminkan isu khusus yang perlu diteliti. Hal ini selari dengan pandangan pakar bahawa pembangunan kurikulum mestilah dinamik, fleksibel, dan sentiasa melalui proses penilaian berterusan bagi memastikan kesesuaiannya (Afriadi dan Fitri, 2025). Majoriti responden merupakan graduan muda lepasan Ijazah Sarjana Muda (84.1%) berusia antara 20 hingga 30 tahun (91.6%). Profil ini menunjukkan bahawa sasaran utama DPPS ialah golongan graduan muda yang sedang membina kerjaya. Keadaan ini konsisten dengan trend kebolehpasaran graduan Malaysia yang semakin meningkat dan kecenderungan mereka untuk melanjutkan pengajian pascasiswazah demi meningkatkan kelayakan profesional. Dapatan ini menegaskan bahawa DPPS perlu disusun bagi memenuhi keperluan dan aspirasi generasi graduan baharu yang berorientasikan kerjaya (Tong, 2024). Dari segi mod pengajian, majoriti responden memilih pembelajaran hibrid (49.0%), diikuti dalam talian sepenuhnya (37.1%) dan bersemuka (13.9%). Keutamaan kepada mod hibrid mencerminkan perubahan landskap pendidikan terkini yang menuntut fleksibiliti dan integrasi teknologi. Kajian lepas turut menunjukkan pelajar lebih cenderung kepada gabungan pembelajaran fizikal dan digital kerana ia memberi keseimbangan antara interaksi sosial dengan akses mudah secara maya.

Hal ini membuktikan bahawa pendekatan hibrid adalah strategi terbaik untuk program pascasiswazah yang ingin kekal relevan dengan trend pendidikan semasa (Mulenga dan Shilongo, 2025). Dari sudut kebolehpasaran, 93.5% responden berpendapat kursus ini meningkatkan peluang pekerjaan, manakala 96.8% menilai graduan sesuai berkhidmat dalam organisasi tempatan. Malah, 92.4% berpendapat bahawa terhadap prospek kerjaya di luar organisasi asal, menunjukkan DPPS memberi nilai tambah yang signifikan kepada graduan dalam pasaran kerja yang kompetitif. Walaupun jangkakan gaji responden (sekitar RM2,200–RM2,500) lebih rendah daripada median gaji nasional, ia masih realistik memandangkan majoriti merupakan graduan muda. Secara keseluruhan, dapatan ini membuktikan bahawa DPPS mampu menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran graduan (Jesus et al., 2025). Walaupun program ini dinilai relevan (94.8%), terdapat cadangan untuk memperbanyakkan kandungan dengan modul tambahan seperti micro-teaching, metodologi penyelidikan pendidikan, pendidikan karakter, serta pengukuhan literasi akademik. Keperluan ini seiring dengan keutamaan industri yang menitikberatkan kompetensi pedagogi, kemahiran insaniah, dan kebolehan menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi serta pedagogi. Justeru, DPPS perlu dirangka bukan sahaja untuk memenuhi keperluan semasa, tetapi juga sebagai platform transformasi pendidikan yang menyokong pembangunan profesional berterusan dan melahirkan pendidik berkualiti tinggi (Laia et al., 2024; Yusof et al., 2024).

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menegaskan bahawa pembangunan program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPPS) perlu berpaksikan analisis

keperluan agar benar-benar relevan dengan konteks semasa pendidikan dan kehendak industri. Profil responden yang majoritinya graduan muda membuktikan bahawa program ini mampu menjadi platform penting dalam melahirkan tenaga pendidik baharu yang berdaya saing dan berorientasikan kerjaya. Keutamaan pelajar terhadap mod pengajian hibrid turut mencerminkan transformasi landskap pendidikan pasca-pandemik yang menuntut keseimbangan antara interaksi tatap muka dan fleksibiliti digital. Dari aspek kebolehpasaran, persepsi positif terhadap prospek kerjaya dan peningkatan peluang pekerjaan menunjukkan bahawa DPPS berpotensi memberi nilai tambah yang signifikan kepada graduan. Walaupun jangkakan gaji permulaan relatif rendah, ia masih realistik selaras dengan status graduan muda yang baru memasuki pasaran kerja. Tambahan pula, cadangan penambahbaikan seperti integrasi modul micro-teaching, penyelidikan pendidikan, dan kemahiran insaniah menegaskan bahawa kurikulum pascasiswazah mesti bersifat dinamik, fleksibel, serta responsif terhadap cabaran semasa. Secara ringkas, DPPS bukan sahaja berfungsi sebagai laluan peningkatan kelayakan akademik, tetapi juga sebagai wahana transformasi pendidikan yang berupaya melahirkan pendidik profesional, berdaya saing, dan adaptif terhadap perubahan global (Singh et al., 2024). Antara kelebihan penawaran program ini adalah jangka masa pengajian yang singkat dan pembelajaran yang fleksibel. Ianya boleh dijadikan peluang kepada guru daripada institusi pendidikan swasta yang bukan berlatar belakang pendidikan untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam bidang pendidikan (Farmasari et al., 2025). Selain itu, pembelajaran melalui mod atas talian ini dapat menjimatkan masa dan mengurangkan bebanan kewangan dalam menyediakan tugas pembelajaran yang disediakan secara salinan lembut (soft copy). Ianya dapat menjangkau sempadan negeri dan pengajian yang bersifat jarak jauh melalui pengajian separuh masa (Saltykova, 2020). Namun ianya memerlukan sedikit ruang dalam memberikan persediaan fizikal dan mental seperti pembelajaran sendiri, masa pembelajaran dan sokongan luar seperti keluarga dalam memahami pembelajaran yang dilalui oleh pelajar tersebut.

### **Penghargaan**

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

### **Konflik Kepentingan**

Tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

### **RUJUKAN**

- [1] Afriadi, B., Fitri, F. (2025): Curriculum Evaluation Model: Paradigm and Implications in Improving the Quality of Education. – *Jurnal Evaluasi Pendidikan* 16(1): 50-62.
- [2] Jesus, L., Galita, W., Carranza, M., Antonio, L. (2025): Education Meets Employment: Tracing Graduate Outcomes Through the Lens of Sustainable Development Goals (SDGs). – *Journal of Lifestyle and SDGs Review* 5: 1-38.
- [3] Krejcie, R.V., Morgan, D.W. (1970): Educational and psychological measurement. – *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.

- [4] Laia, S., Firmansyah, F., Krismonika, K., Bogha, P. (2024): Transformasi Pendidikan Melalui Pengantar Kurikulum: Tinjauan Terkini dan Tantangan Masa Depan. – *EULOGIA: Jurnal Teologi dan Pendidikan Kristiani* 4(1): 197-210.
- [5] Li, H., Zhao, N. (2022): Will the wave of early retirement of teachers in Malaysia continue? A grey prediction based on GM (1, 1) Gray prediction model. – In *Proceedings of The World Conference on Research in Teaching and Education* 1(1): 68-81.
- [6] Lopez, S., Viswanathappa, G. (2025): Pedagogical Competencies in Mathematics at Secondary Level: A Systematic Review of Pre-Service Teacher Training Programs. – *Asian Journal of Education and Social Studies* 51(8): 720-734.
- [7] Farmasari, S., Wardana, L., Riyanto, A., Elmiana, D. (2025): Non-Education Students in a Teaching Campus Program: Exploring the forms and patterns of learner agency development. – *Journal of Education and Teaching (JET)* 6(2): 286-305.
- [8] Mulenga, R., Shilongo, H. (2025): Hybrid and blended learning models: Innovations, challenges, and future directions in education. – *Acta Pedagogica Asiana* 4(1): 1-13.
- [9] Tong, P. (2024): Fostering Career Competence: The Role of Employment-Oriented Curriculum in Higher Education. – *Education Insights* 1(2): 34-40.
- [10] Singh, G., Sidhu, G., Ramasamy, R., Nair, S., Derioh, M. (2024): Exploring New Horizons in Professional Development: Teachers' Shifting Perspectives on Postgraduate Education. – *Journal of Ecohumanism* 3(8): 1432-1442.
- [11] Sabilan, S., Ishak, M.F., Lip, S.M., Rashed, Z.N., Kusut, R., Sulaiman, S.H., Mohni, S.N.I. (2015): Tahap Kesesuaian Matlamat Dan Hasil Pembelajaran Kursus Praktikum (Latihan Mengajar) Kendalian Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) Menurut Persepsi Guru-Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Kuis: Satu Tinjauan Awal. – *Tamu* 1(1): 118-128.
- [12] Setiawan, H., Hakim, M., Tipa, K. (2025): Program Pendidikan sebagai Upaya Pemenuhan Kebutuhan Peserta Didik Dalam Meningkatkan Prestasi Akademik. – *At Tadbir: Islamic Education Management Journal* 3(1): 16p.
- [13] Saltykova, T. (2020): PECULIARITIES OF THE ORGANIZATION OF DISTANCE LEARNING IN THE PROFESSIONAL TEACHER EDUCATION IN FRANCE. – *Innovate Pedagogy* 6p.
- [14] Yusof, N.M., Mohd Arif, M., Mohd Radzi, F.A. (2024): TESL trainee teachers' workplace competencies (English language skills) and the workplace expectations. – *Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching (CPLT)* 12(3): 150-157.